

**RANCANGAN PERNIAGAAN  
ASAS KEUSAHAWANAN (ETR 300)**

**AMPAIAN MILLENIUM  
SUMMIT TECHNOLOGY SDN.BHD.**

**DISEDIAKAN UNTUK: ENCIK KHAIRUL ANWAR BIN SUBARI  
PENSYARAH ETR 300**

**DISEDIAKAN OLEH : MUHAMMAD ASHRAF (97219839)  
MUHAMAD RAPIEE (97110559)  
NIKMATUSOBAH (97209054)  
HAZLIN HAFARIS (97228140)  
SITI FAZLIANA (97189317)**

**DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN (DBS)  
BHGN.05(C)**

**TARIKH PENYERAHAN: 12 OKTOBER 1999**

# ISI KANDUNGAN

## PERKARA

PENDAHULUAN	i
PENGHARGAAN	ii
SURAT PENYERAHAN	iv
SURAT IKATAN PERJANJIAN	vi
TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN	ix
SINOPSIS	x
LOGO	xii
PENGENALAN	xv
LATAR BELAKANG SYARIKAT	xvii
LATAR BELAKANG AHLI SYARIKAT	xix
RANCANGAN PENTADBIRAN	1 - 17
RANCANGAN PEMASARAN	18 - 34
RANCANGAN OPERASI	35- 50
RANCANGAN KEWANGAN	51 - 69
RUMUSAN	70
LAMPIRAN	

## MUKA SURAT

## **SINOPSIS**

### **1. Nama Syarikat**

Kata sepakat dan persetujuan telah dicapai oleh rakan-rakan syarikat untuk menamakan perniagaan ini yang akan didaftarkan dan beroperasi kelak sebagai **Summit Technology Sdn.Bhd.**

### **2. Lokasi**

Lokasi perniagaan kami nanti adalah bertempat di No.9 , Ground Floor , Sunshine Garden Shoplot, Hilir Paya Terubong Satu , 11900 Relau , Pulau Pinang.

### **3. Jenis Perniagaan**

Perjalanan perniagaan kami akan beroperasi sebagai sebuah syarikat sendirian berhad.

### **4. Modal**

Setiap ahli telah mengeluarkan modal sebanyak RM 10 000 setiap seorang manakala pengurus besar mengeluarkan RM 20 000 . Kami juga telah membuat pinjaman daripada bank sebanyak RM 100 000 . Jumlah modal syarikat kami sebanyak RM 160 000.

## 5. Pasaran

Pada peringkat permulaan ini , syarikat kami akan memasarkan produk *Ampaian Millenium* ini di negeri Perlis , Kedah dan Pulau Pinang . Pemasaran ini bergantung kepada jumlah permintaan serta kadar pembangunan di sesuatu kawasan.

## 6. Persaingan

Sebagai sebuah syarikat yang baru memulakan perniagaan , syarikat kami juga tidak ketinggalan dalam menghadapi persaingan dalam perniagaan . Kami akan cuba memberi saingen yang baik walaupun para pesaing kami mempunyai pengalaman yang luas dan sudah lama menceburi bidang ini. Namun itu bukanlah alasan untuk mengundur diri. Kami percaya dengan usaha kami dan keyakinan yang diberikan oleh pelanggan , perniagaan kami akan terus berkembang dan mencatat kejayaan yang memberangsangkan.

## 7. Pengurusan

Bahagian pengurusan ini akan diuruskan oleh rakan-rakan syarikat . Pengurus Besar akan memastikan pengurusan berjalan dengan lancar secara keseluruhannya. Tugas-tugas ini dibantu oleh pengurus yang lain antaranya pengurus pentadbiran, pengurus pemasaran, pengurus operasi dan pengurus kewangan . Beberapa pekerja juga turut diperlukan bagi melicinkan perjalanan syarikat.

## **PENGENALAN**

Lima orang rakan baik telah menghadiri satu jamuan makan tengah hari di rumah seorang kenalan semasa menuntut di Universiti Teknologi Mara Cawangan Perlis . Jamuan tersebut telah diadakan pada 19 September 1999. Di jamuan tersebut telah menemukan Ashraf , Rapiee, Nikmatusobah, Hazlin dan Siti Fazliana dengan rakan-rakan yang lain. Pada mulanya cuaca pada hari tersebut sangat baik. Tetapi belum sempat majlis itu berakhir, hujan turun dengan lebatnya. Maka bertempiaranlah para tetamu melarikan diri daripada dibasahi hujan. Ada di kalangan tetamu yang berlindung di bawah khemah dan ada juga di antara mereka yang masuk ke dalam rumah kenalan tersebut. Ketika itulah, 5 orang rakan baik ini terpandang pembantu rumah di rumah jiran sebelah kenalan itu yang sedang sibuk mengangkat kain di ampaian. Namun malang bagi pembantu rumah tersebut kerana baju yang pada mulanya kering , basah semula dibasahi hujan. Maka, secara spontan Ashraf terfikir untuk merekacipta sebuah ampaian yang mampu melindungi baju dari dibasahi hujan ketika dijemur. Pada mulanya, masing-masing berasa lucu dan sukar untuk menerima idea tersebut. Tetapi setelah memikirkan negara sedang menuju ke alaf baru , tentunya produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan bersesuaian dengan konsep alaf baru juga. Idea tersebut tidak dibiarkan begitu sahaja tetapi 5 orang rakan baik tersebut telah mencapai kata sepakat untuk merealisasikan ia dengan menuju perniagaan yang mengeluarkan produk ***Ampaian Millenium***.

Setelah masing-masing bersetuju untuk menuju perniagaan yang mengeluarkan produk ***Ampaian Millenium***. Kami telah menamakan syarikat kami Summit Technology Sdn.Bhd.